



Kementerian Wilayah Persekutuan

DERAF TEKS UCAPAN YB TUAN HAJI KHALID BIN ABD SAMAD MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN

**ISTIADAT PENGURNIAAN DARJAH KEBESARAN,
BINTANG DAN PINGAT
WILAYAH PERSEKUTUAN 2020**

**PADA
1 FEBRUARI 2020 [SABTU]
BERSAMAAN 7 JAMADIL AKHIR 1441 HIJRAH**

**BERTEMPAT
DI BALAIRUNG SERI, ISTANA MELAWATI, PUTRAJAYA**

**Bismillahirrahmanirrahim
Alhamdulillahi Rabbil A'lamin**

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Salam Sejahtera dan Salam Wilayah Peduli, Harapan Dipenuhi

1. Menghadap Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah Ibni Almarhum Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah.

Ampun Tuanku Beribu-ribu Ampun

Sembah Patik Pohon Diampun

2. Patik sekalian merafakkan sembah menjunjung kasih, di atas titah dan ampun perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Tuanku untuk berangkat bercemar duli bagi menyempurnakan istiadat pengurniaan Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Wilayah Persekutuan Tahun 2020 yang berlangsung pada hari ini. Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Tuanku ke Majlis ini amat besar maknanya buat patik dan seluruh warga Wilayah Persekutuan.

3. Istiadat Pengurniaan Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Wilayah Persekutuan Tahun 2020 ini, merupakan acara tahunan yang diatur dan disusun, sempena dengan Sambutan Hari Wilayah Persekutuan pada 1 Februari setiap tahun. Pengurniaan Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat yang pertama telah diadakan pada

tahun 2008. Tahun 2020 ini merupakan tahun yang ke-13 istiadat seumpama ini diraikan.

Ampun Tuanku

4. Tahun 2020 merupakan tahun istimewa kerana akan berlangsung beberapa program khas iaitu :

- (i) Tahun Melawat Malaysia 2020;
- (ii) Perisytiharan Kuala Lumpur sebagai *World Book Capital* oleh *United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization* (UNESCO) pada April 2020;
- (iii) Sambutan Jubli Perak 25 tahun Putrajaya; dan
- (iv) Persidangan *Asia-Pacific Economic Cooperation* (APEC).

Sempena dengan program-program ini, patik telah mengarahkan supaya DBKL, Perbadanan Labuan dan Perbadanan Putrajaya melaksanakan persiapan bagi menyambut kedatangan tetamu dari luar negara dengan melaksanakan program pembersihan, keceriaan, pengindahan dan pencahayaan di Wilayah Persekutuan.

5. Pada masa yang sama Kementerian Wilayah Persekutuan juga akan memberi tumpuan kepada program-program yang menepati hala tuju “**Wilayah Peduli Harapan Dipenuhi**” iaitu:

- (i) Program menyantuni miskin bandar di bandaraya akan menjadi fokus utama kementerian patik bermula 2020. Pelan Induk Tindakan (*blueprint*) akan dihasilkan antara Jun-

September 2020. Pelaksanaan *blueprint* berkenaan akan mewarnai pendekatan dan program-program kementerian selepasnya.

- (ii) Konsep Wilayah Persekutuan sebagai Wilayah Pintar (*Smart City*) akan diuruskan oleh Jawatankuasa Bandaraya Pintar WP yang diketuai PLANMalaysia. Jawatankuasa ini dianggotai wakil DBKL, Perbadanan Putrajaya, Perbadanan Labuan serta pihak awam dan swasta yang berkepentingan. Jawatankuasa ini akan turut memantau pelaksanaan 5G di Wilayah Persekutuan.
- (iii) Kementerian Wilayah Persekutuan juga akan melaksanakan konsep Negara Taman untuk pengindahan persekitaran yang di selaraskan oleh Jabatan Landskap Negara (JLN). Konsep ini sedang direalisasikan melalui Majlis Negara Taman yang dipengerusikan oleh patik sendiri.

6. Kementerian Wilayah Persekutuan kekal komited dalam menjaga kebajikan rakyat, meringankan kos sara hidup dan menaikkan taraf hidup rakyat di Wilayah Persekutuan. Melalui Program Kebajikan Wilayah Persekutuan yang telah direncanakan, pelbagai inisiatif telah dilaksanakan untuk kesejahteraan warga Wilayah Persekutuan.

7. Kerajaan patik juga akan terus komited menceriakan kawasan Bandar Raya Kuala Lumpur. Projek Pengindahan Lorong Belakang (*laneways*) telah berjaya menghidupkan semula lorong-lorong

belakang yang seringkali dilupakan dalam kehidupan sehari-hari. Kawasan tersebut kini telah menjadi antara daya tarikan utama pelancongan di Kuala Lumpur.

Ampun Tuanku

8. Bagi memberikan keselesaan kepada penduduk, Residensi Wilayah telah ditambahbaik meliputi keluasan minima rumah, kemudahan gunasama dan kualiti binaan. Selain itu, kementerian patik juga merancang untuk menyediakan perumahan mampu milik Residensi Harapan di bawah harga RM150,000 seunit untuk mereka yang masih bujang serta pasangan yang baharu berumah tangga dan memulakan kehidupan di kota.

9. Projek Perumahan Bandar (*micro-housing*) di Jalan Tuanku Abdul Rahman untuk golongan B40 yang berstatus bujang dan baru pertama kali bekerja di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur juga telah mula beroperasi.

Ampun Tuanku

10. Sesungguhnya, patik sedar akan tanggungjawab besar yang perlu digalas dalam memastikan imej dan kualiti ketiga-tiga Wilayah ini, dapat terus dipertingkat secara holistik dari semasa ke semasa, untuk dijadikan penanda aras bagi bandar-bandar lain di Malaysia dan juga menjadi saingen di peringkat global. Justeru, patik amat

bersyukur dengan pencapaian dan perancangan agensi-agensi di bawah Kementerian Wilayah Persekutuan.

11. Kementerian Wilayah Persekutuan telah mensasarkan penggunaan penuh 100% produk biodegradasi pada tahun 2022. Ini selaras dengan *Malaysia's Roadmap Towards Zero Single-use Plastics 2018-2030*.
12. Kementerian patik juga telah memaksimakan penglibatan ahli parlimen pilihan rakyat dalam membuat keputusan dan dasar melalui pembentukan Majlis Menteri DBKL sebagai menambah baik kualiti perkhidmatan dan pentadbiran di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.
13. Tahun 2020 merupakan tahun yang sangat bersejarah bagi Putrajaya yang akan menyambut Jubli Perak Putrajaya pada 29 Ogos 2020. Selain daripada anugerah dan pengiktirafan yang telah dirangkul, bandar pentadbiran ini telah menjadi model pembangunan dan model pentadbiran bandar raya oleh negara-negara asing serata dunia.
14. Putrajaya sedang membangun sebagai *Smart City* melalui pelancaran “*Malaysian First Smart City Blueprint*”, *First 5G Conference*, *Putrajaya Command Centre* yang canggih, *Building Information Modeling (BIM)* dan Sistem Pusat Sehenti Pertama di Malaysia atau OSC 3.0.

15. Wilayah Persekutuan Labuan pula berazam untuk memulakan empat (4) projek besar bermula tahun ini, melibatkan pelaburan sektor swasta sebanyak RM1.11 bilion bagi peningkatan ekonomi Wilayah Persekutuan Labuan.
16. Manakala, PLANMalaysia sedang menyediakan Rancangan Fizikal Negara ke-4 (RFN4), bagi memperkuatkannya strategi dan halatuju perancangan spatial negara untuk tempoh 2020-2025, supaya lebih komprehensif dan berdaya laksana serta selaras dengan program RMKe12.
17. Selain itu, jabatan di bawah Kementerian Wilayah Persekutuan yang lain iaitu Pejabat Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan sedang memuktamadkan urusan persempadanan Wilayah Persekutuan dan Selangor.
18. Perbadanan Kampong Bharu pula, sedang mengusahakan persoalan membangunkan Kampong Bharu dan melaksanakan libat urus dengan pemilik-pemilik tanah Kampong Bharu.
19. Manakala, Majlis Sukan Wilayah Persekutuan pula sedang giat mencungkil bakat-bakat baharu daripada usia yang muda untuk menjadi atlet Wilayah Persekutuan dan Malaysia pada masa hadapan.

Ampun Tuanku

20. Bersempena Istiadat Pengurniaan Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Wilayah Persekutuan kali ke-13 ini, seramai 188 orang telah diperkenan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Tuanku untuk menerima Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Wilayah Persekutuan. Pengurniaan ini adalah berdasarkan kepada khidmat bakti dan jasa yang telah dicurahkan selama ini kepada Wilayah Persekutuan. Semoga dengan pengurniaan ini dapat menyuntik semangat dan komitmen yang tinggi kepada penerima untuk terus menabur bakti.

21. Patik sekalian memanjatkan doa semoga Allah Subhanahu Wa Ta'ala melanjutkan usia dan melimpahkan rahmat-Nya ke atas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong serta seluruh kerabat diraja.

Sekian. Menjunjung Kasih Tuanku.